

22/01/2001

Negara Asia Timur perlu 'pemimpin'

Mior Kamarul Shahid

KEBURUKAN konsep Barat sudah banyak diperkatakan tetapi pengaruh dan nilai yang dibawa oleh mereka tetap dipelopori kebanyakan negara di dunia. Tidak dapat dielakkan, konsep globalisasi akan memperluaskan lagi penyerapan nilai-nilai Barat di negara berkenaan. Mungkin keterlaluan mengatakan semua konsep dan nilai Barat buruk belaka. Tetapi, mereka pun bijak juga. Jika buruk semuanya, tentulah seluruh dunia akan menolak mereka. Oleh itu, keburukan nilai dan konsep mereka 'disembunyikan' menerusi beberapa kebaikan yang mereka tonjolkan. Dasar untuk membantu negara yang menghadapi masalah umpamanya, adalah nilai-nilai kebaikan yang cuba mereka ketengahkan. Tetapi, apabila menganalisis niat sebenar mereka, ia menyebabkan perasaan membenci mereka menebal. Pada kita, jika sekali pun mahu membantu, ia perlulah dilakukan dengan ikhlas, tidak perlu ada matlamat 'udang di sebalik batu'.

Kekuasaan ekonomi dan corak pemerintahan dan politik negara Barat terus menjadi ikutan walaupun banyak pendedahan mengenai keburukan sudah dipaparkan. Walaupun sesetengah negara Barat jelas begitu zalim terhadap negara lain, tidak berperikemanusiaan, menindas negara lemah dan sebagainya, mereka tetap diagung-agungkan. Segala-galanya disebabkan negara membangun atau negara miskin, masih gagal merumuskan satu formula untuk kepentingan sesama mereka atau demi kepentingan negara mereka sendiri. Sebutlah apa saja wilayah dan rantau di dunia ini, kebanyakan mereka tetap berkiblat ke Barat. Hakikatnya, negara Barat memang bijak menggunakan 'suntikan penjajahan' untuk mempengaruhi minda masyarakat negara yang menjadi sasarannya. Pada peringkat awal mereka sanggup memberikan apa saja bantuan konon untuk memenuhi tanggungjawab negara kaya kepada yang miskin, tetapi negara berkenaan diikat supaya tidak terlepas daripada genggamannya dan terpaksa akur terhadap apa juga perintahnya. Rasanya, terlalu banyak bukti yang boleh ditunjukkan.

Meneliti isi kandungan ucap-tama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk "Menggalakkan Pemahaman Di Antara Asia dan Jepun, khususnya Kansai" di Osaka, Jepun minggu lalu, Perdana Menteri sekali lagi meledakkan pemikiran kita dengan ideanya supaya masyarakat di Asia Timur bergerak dengan formula sendiri tanpa terlalu terikat serta meniru idea dan konsep Barat dengan matlamat mengembalikan kegemilangan pertumbuhan ekonomi rantau itu. Satu mesej jelas yang cuba disampaikan oleh Dr Mahathir ialah tidak ada negara di Asia Timur yang sanggup menjadi pemimpin kepada negara berkenaan. Bagi Dr Mahathir, Jepun seharusnya memainkan peranan itu memandangkan kekuatan ekonomi dan adanya nilai-nilai yang boleh dijadikan contoh untuk diteladani negara di rantau itu. Malaysia sendiri menjadikan nilai-nilai Jepun yang dianggap boleh menggerakkan ekonomi, memperbaiki disiplin diri, amalan kuat bekerja dan sebagainya sebagai amalan hidup menerusi konsep Pandang Ke Timur. Untuk menukar haluan daripada berkiblat ke Barat ke Asia Timur, mungkin mengambil masa yang panjang tetapi tidak bermakna ia tidak boleh dimulai sekarang. Ia boleh dilakukan menerusi pelbagai bentuk kerjasama dengan negara di Asia lain. Malangnya, walaupun memang wujud beberapa bentuk kerjasama umpamanya, menerusi dialog Asean-Jepun, tetapi ia hanyalah berfokus kepada soal perdagangan ekonomi. Akibat tidak ada sebuah negara yang benar-benar boleh menyatukan rantau ini, kiblat negara berkenaan juga tidak menentu. Ini menyebabkan banyak kerjasama yang dipersetujui di atas kertas tidak dapat dilaksanakan.

Pentadbiran George W Bush sudah pun membayangkan bahawa negara itu akan

memberi tumpuan kepada pelbagai masalah di Asia kerana wujud krisis di negara itu. Seimbias lalu, Amerika Syarikat menampakkan kebimbangannya terhadap suasana di rantau ini dan mungkin menghulurkan bantuan. Tetapi, apakah ini tidak boleh dianggap satu lagi perangkap yang Amerika Syarikat mahu mendekati negara di rantau ini untuk 'menawan' mereka dari pelbagai sudut. Jika Jepun sanggup mendahului negara Barat untuk menyelesaikan apa juga masalah di rantau ini, kemungkinan besar jalan untuk negara kuasa besar di Barat boleh terus ditutup.

(END)